



**SIARAN MEDIA
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**PENYERAHAN HADIAH CABUTAN BERTUAH KEMPEN JOM BAYAR
CUKAI TANAH SECARA TANPA TUNAI “CASHLESS” DAN PELANCARAN
PORTAL AWAM JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS**

Kangar, 12 Mei 2023: Hari ini telah diadakan Majlis Penyerahan Hadiah Cabutan Bertuah Kempen Jom Bayar Cukai Tanah Secara Tanpa Tunai “Cashless” dan Pelancaran Portal Awam Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis bertempat di Mess Pegawai Kanan PDRM, Kangar, Perlis yang telah dirasmikan oleh YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Perlis.

Kempen yang dikuasakan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) telah bermula pada 1 Januari 2023 dan tamat pada 31 Mac 2023. Sebagaimana yang telah dihebahkan semasa kempen ini dijalankan, objektif utama kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Perlis berhubung kaedah pembayaran secara tanpa tunai di Jabatan ini. Kempen ini juga selaras dengan inisiatif Pelan Digital Perlis yang menghubungkan rakyat, kerajaan dan juga swasta. Selain itu, kempen ini juga tidak terhad kepada pembayaran cukai tanah sahaja malahan terbuka kepada semua jenis transaksi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis.

Pelaksanaan kempen ini secara tidak langsung memberikan peluang berganda kepada pemilik hartanah di Negeri Perlis di mana setiap pemilik hartanah di Negeri Perlis bukan sahaja berpeluang memenangi cabutan bertuah yang ditawarkan malahan dapat juga menikmati tawaran diskaun cukai tanah bermula dari 3% hingga 8% mengikut kategori tanah masing-masing. Negeri Perlis merupakan satu-satunya negeri yang menawarkan diskaun berkenaan sebagai salah satu inisiatif bagi menggalakkan pemilik hartanah segera melunaskan cukai tanah mereka.

Hasilnya, kempen ini mendapat sambutan yang amat baik di mana seramai 23,388 penyertaan daripada pembayar cukai tanah secara tanpa tunai dan pelbagai bayaran perkhidmatan secara tanpa tunai telah layak secara automatiknya terpilih menyertai kempen ini.

Kaedah cabutan juga adalah secara telus di mana semua cabutan diadakan pada setiap bulan dan disiarkan secara live di laman FB rasmi Pejabat Setiausaha Negeri Perlis dan Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis. Seramai 32 orang pemenang cabutan bertuah berjaya dicabut pada setiap bulan menjadikan jumlah keseluruhan 96 orang pemenang cabutan bertuah telah menerima hadiah yang berjumlah lebih RM100,000.00.

Sehingga ke tarikh 30 April 2023, kadar transaksi tanpa tunai “cashless” bagi keseluruhan Negeri Perlis telah mencapai 53.44 peratus di mana Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis telah berjaya meningkatkan kadar transaksi tanpa tunai kepada 47 peratus dengan 28,556 transaksi yang bernilai RM10.19 juta berbanding transaksi tunai yang hanya bernilai RM6.57 juta.

Kerajaan Negeri Perlis melalui Pelan Digital Perlis 2021-2025 (PDP 2021-2025) mensasarkan peningkatan kadar transaksi tanpa tunai “cashless” di Negeri Perlis bagi tahun 2023 sebanyak 50%, 80 % pada tahun 2024 dan 100% pada tahun 2025 seiring dengan perkembangan teknologi pembayaran masa kini di bawah kluster perkhidmatan kerajaan dan masyarakat.

Di majlis ini juga, Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis telah bergerak secara proaktif bagi menjayakan PDP 2021-2025 dengan melancarkan portal awam yang dijenamakan sebagai eTanah Perlis. Portal ini secara rasminya boleh diakses di <https://etp.ptgps.gov.my> bermula 15 Mei 2023 yang menawarkan perkhidmatan utama urusan tanah dan pembayaran atas talian FPX (online banking) secara terus kepada pelanggan (*End-to-End*) seperti berikut:

- a. Carian rasmi
- b. Carian persendirian
- c. Semakan dan bayaran cukai tanah lebih sistematik
- d. Semakan status perserahan
- e. E-perserahan

Galakan kempen bayaran tanpa tunai ini diteruskan dan digiatkan bagi mendidik masyarakat yang berurusan dengan Jabatan ini yang mana Jabatan ini telah melancarkan hari Isnin dan Jumaat sebagai Hari Tanpa Tunai. Jabatan ini juga sedang berusaha untuk digitalisasikan semua bil-bil pelbagai seperti bayaran premium, bayaran denda, bayaran tol, bayaran ubah syarat dan perkhidmatan lain secara berpusat serta boleh dibayar secara atas talian bermula 1 September 2023 melalui Portal eTanah Perlis tanpa perlu datang ke kaunter.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) yang telah menaja kempen ini dan menaiktraf modul Sistem Pengurusan Tanah Berkomputer (SPTB) dan Sistem Pengurusan Hasil Tanah Bersepadu (SPTB) yang berjumlah RM250,000.00 kepada Kerajaan Negeri Perlis bagi meningkatkan kadar transaksi tanpa tunai di Negeri Perlis.

Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis juga akan terus memastikan gerak kerja dilaksanakan seperti yang dirancang bagi menjayakan Pelan Digital Perlis 2022 – 2025 terutamanya meningkatkan urusniaga transaksi tanpa tunai di Jabatan ini dan kerjasama strategik berterusan bersama Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet).

KERAJAAN NEGERI PERLIS

Tarikh : 12 MEI 2023

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis boleh dirujuk di portal rasmi Kerajaan Negeri Perlis :
www.perlis.gov.my